

PENGARUH PENGETAHUAN AKIDAH TERHADAP AMALAN SOLAT FARDU: TINJAUAN TERHADAP PELAJAR SEKOLAH MENENGAH DAERAH SEREMBAN, NEGERI SEMBILAN

Muhamad Zaki Zainuddinⁱ & Syed Salim Syed Shamsuddinⁱⁱ

ⁱ Ketua Unit Syariah, Kolej Tingkatan Enam Forest Heights, Seremban, Negeri Sembilan.
zakizayyan2020@gmail.com

ⁱⁱ (Corresponding author). Pensyarah Kanan, Universiti Sains Islam Malaysia, Nilai, Negeri Sembilan.
syedsalim@usim.edu.my

Abstrak

Akidah merupakan satu ikatan kepercayaan dan keyakinan yang kuat antara makhluk dan Pencipta. Akidah mestilah disertai dengan perbuatan iaitu ibadah. Ibadah membantu individu Muslim mengawal dirinya daripada terlibat dengan unsur-unsur jenayah mahupun salah laku disiplin. Kajian ini mengkaji tahap pengetahuan akidah dan amalan solat fardu pelajar sekolah menengah di daerah Seremban, Negeri Sembilan. Kajian ini juga mengkaji hubungan antara tahap pengetahuan akidah pelajar dengan amalan solat fardu mereka serta sumbangan pengetahuan akidah terhadap amalan solat fardu yang mereka lakukan. Kajian ini melibatkan 352 orang pelajar dari 36 buah sekolah menengah di daerah Seremban. Satu set borang soal selidik yang ditadbir secara dalam talian digunakan sebagai instrumen kajian. Analisis data secara deskriptif dan inferensi melalui ujian korelasi Pearson dan regresi berganda dilakukan dengan perisian SPSS. Dapatan kajian menunjukkan bahawa tahap pengetahuan akidah amalan solat fardu pelajar berada pada tahap tinggi. Hasil kajian juga mendapati tahap pengetahuan akidah pelajar mempunyai hubungan yang signifikan pada tahap sangat rendah dengan amalan solat fardu pelajar ($r = 0.139, p < 0.01$). Analisis regresi mendapati pengetahuan akidah pelajar mempengaruhi secara signifikan terhadap amalan solat fardu pelajar. Hasil kajian ini diharap menginspirasi Guru Pendidikan Islam (GPI) untuk mempelbagaikan aktiviti sokongan akademik serta mengaplikasikan teknologi terkini dalam pengajaran dan pemudahcara (PdPc) mata pelajaran akidah dan ibadah. Input ini diharap dapat meningkatkan penghayatan akidah dan ibadah pelajar dalam usaha untuk mengekang penglibatan remaja dalam salah laku jenayah.

Kata kunci: Akidah, ibadah, solat fardu, sekolah.

PENGENALAN

Remaja merupakan modal insan terpenting yang akan mencorakkan sesebuah negara pada masa akan datang (Mohamad Zaid et al., 2019). Pengetahuan dan sahsiah remaja perlu digilap dan dibentuk dengan acuan yang terbaik ke arah pembinaan sebuah negara bangsa yang mapan. Usaha membentuk golongan remaja berkualiti mestilah

dilakukan sebaik-baiknya dan secara berterusan. Oleh itu, pengukuhan aspek rohani merupakan elemen utama dalam menentukan kemenjadian remaja sebagai modal insan yang holistik dan berdaya saing.

Elemen rohani perlu diberikan penekanan dalam pembinaan diri. Hal ini penting bagi mewujudkan masyarakat madani yang maju dari segi ilmu dan teknologi tanpa menafikan nilai adab dan kemanusiaan. Unsur kerohanian yang telah terbina dalam diri remaja berperanan menstabilkan emosi dan mengawal diri mereka daripada terlibat dengan masalah sosial yang kian meruncing (Khalim, Aminudin & Akila, 2010). Hal ini boleh dilihat berdasarkan dapatan kajian-kajian lepas yang mengesahkan bahawa faktor lemah pegangan agama adalah merupakan punca utama penglibatan remaja Islam terlibat dengan jenayah syariah (Amran, 1993), masalah sosial (Amaludin, 2005) seperti zina (Azizah, 2012) dan seks bebas (Hasyim & Fauzi, 2002).

Oleh itu, solusi terbaik untuk mendepani isu delikueni remaja generasi Z pada hari ini ialah melalui sistem pendidikan Islam. Menurut al-Attas (1980), asas kepada pendidikan Islam ialah ilmu akidah. Manakala salah satu tujuan utama pendidikan Islam ialah perkembangan rohani atau spiritual (Asmawati & Fathiyah, 2012). Unsur kerohanian didasari dengan elemen kepercayaan kepada Allah SWT, hari kiamat, qadak dan qadar, para rasul, para malaikat dan kitab-kitab yang diturunkan oleh Allah. Menurut Hassan al-Banna (1949), iman boleh dibentuk melalui pendidikan dan asuhan (tarbiah) yang berterusan. Oleh yang demikian, keimanan dan kepercayaan terhadap rukun iman akan menjelmakan amalan baik dalam diri pelajar. Amalan baik yang diterjemahkan dalam bentuk amalan solat fardu pelajar akan mampu mengawal remaja daripada terjebak dengan gejala negatif.

Walaupun sistem pendidikan pada hari ini dilihat sebagai kacukan barat dan unsur-unsur Islam, namun masih terdapat kelompangan dari segi perlaksanaan aspek kerohanian di dalamnya (Makmur, 2015). Kenyataan ini disokong oleh Shamsiah, Saedah dan Che Zarrina (2015) yang mendapati aspek rohani kurang dititikberatkan dalam kalangan muda-mudi. Misi Pendidikan Malaysia kelihatan masih samar-samar kerana terdapat jurang yang besar di salah satu elemen penting dalam pendidikan holistik, iaitu elemen rohani. Unsur kerohanian kurang dititikberatkan dan majoriti sekolah dan institusi pendidikan di Malaysia lebih mengejar dan menekankan pada elemen intelektual dan sebahagian lagi elemen emosi. Ketidakeimbangan di antara pendidikan rohani dan jasmani (material) dalam membangunkan sumber modal insan menyebabkan berlakunya kepincangan dalam pembangunan insan yang holistik serta berdepan dengan masalah akhlak dan sosial yang kian meruncing (Syamila Syamim & Che Zarrina Sa'ari, 2020).

Berdasarkan Bahagian Risiko, Operasi dan Rekod (D4), Jabatan Siasatan Jenayah, Polis Diraja Malaysia, Bukit Aman (2021), sejumlah 147 kes juvana dilaporkan di Negeri Sembilan daripada Januari 2020 sehingga Mei 2021 juga melibatkan kes jenayah kekerasan dan jenayah harta benda. Secara puratanya sebanyak dua kes juvana dilaporkan setiap minggu bagi tempoh 17 bulan tersebut.

Daripada jumlah keseluruhan kes tersebut, seramai 86 orang atau 69.5% adalah pesalah juvana dalam kalangan remaja Melayu beragama Islam.

Statistik kes juvana sedia ada sudah cukup membimbangkan, ditambah pula dengan 10,154 kes disiplin bagi pelbagai kesalahan membabitkan pelajar sekolah di Negeri Sembilan direkodkan sepanjang tahun 2018. Pengarah Jabatan Pendidikan Negeri Sembilan (JPNS), Datuk Pkharuddin Ghazali, memaklumkan daripada jumlah itu, kesalahan ponteng sekolah mencatat bilangan tertinggi, iaitu 7,709 kes, manakala baki adalah kes disiplin lain seperti tingkah laku kurang sopan, kekemasan diri dan vandalisme (Raja Noraina, 2019).

Laporan statistik ini secara tidak langsung menunjukkan bahawa majoriti remaja yang terlibat adalah pelajar sekolah menengah yang menerima pendidikan akidah dan ibadah di sekolah. Di Malaysia, aspek yang ditekankan dalam pendidikan Islam adalah secara bersepadu iaitu merangkumi ilmu pengetahuan, amalan dan penghayatan. Kurikulum pendidikan Islam disediakan dengan bersistematik, program pendidikan yang tersusun dan disokong oleh tenaga pengajar berkualiti yang telah melalui siri latihan perguruan daripada institusi-institusi yang dikawal selia oleh kerajaan. Berdasarkan komitmen dan pasarana yang telah disediakan oleh pihak kerajaan, kita boleh mengandaikan bahawa pelajar-pelajar Islam di Malaysia mampu mempraktikkan pengetahuan Islam yang dipelajari sebagai satu cara hidup sekali gus dapat memenuhi aspirasi kerajaan yang selari dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Falsafah Pendidikan Islam. Namun, realiti yang berlaku adalah sebaliknya.

Sebagai langkah proaktif, tahap pengetahuan akidah dan amalan solat fardu pelajar perlu dikenal pasti dan sumbangan tahap pengetahuan akidah terhadap amalan solat fardu pelajar sekolah menengah di Seremban, Negeri Sembilan perlu dikaji. Diharapkan kajian ini dapat memberi sumbangan kepada ilmu dalam bidang akidah, ibadah dan pengurusan delikueni remaja.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian kuantitatif ini menggunakan reka bentuk kajian tinjauan. Dalam konteks kajian ini, maklumat yang dikutip bertujuan untuk mengenal pasti pengaruh pengetahuan akidah dan sumbangannya terhadap amalan solat fardu pelajar. Kajian ini melibatkan 352 pelajar sekolah menengah di daerah Seremban, Negeri Sembilan yang telah dipilih secara rawak mudah. Kajian ini menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen kajian yang diadaptasi daripada kajian-kajian lepas yang bersesuaian dengan konstruk pengetahuan akidah dan amalan solat fardu. Soal selidik kajian mempunyai tiga bahagian iaitu a) profil responden, b) pengetahuan akidah pelajar yang terdiri daripada 16 item dan c) amalan solat fardu pelajar yang mengandungi 12 item. Data dianalisis menggunakan perisian SPSS yang melibatkan dapatan deskriptif untuk pengetahuan akidah dan amalan solat fardu pelajar. Ujian korelasi Pearson dan ujian regresi linear dijalankan untuk mengenal pasti hubungan dan sumbangan di antara kedua pemboleh ubah tersebut.

DAPATAN KAJIAN

Tahap Pengetahuan Akidah Pelajar

Analisis data dilakukan secara statistik deskriptif untuk menentukan tahap pengetahuan akidah dan amalan solat fardu pelajar dipersembahkan melalui penilaian skor min, sisihan piawai dan interpretasi min. Jadual 1 di bawah ialah paparan nilai min bagi setiap item dan diklasifikasikan kepada kepada tiga tahap seperti berikut:

Jadual 1: Penilaian skor min likert lima mata

Skor min	Interpretasi Tahap
3.68 - 5.00	Tinggi (T)
2.34 - 3.67	Sederhana (S)
1.00 - 2.33	Rendah (R)

Sumber: (Ghazali Darusalam & Sufean Hussin 2016)

Jadual 2 di bawah ialah paparan tahap pengetahuan akidah pelajar melalui hasil keputusan analisis deskriptif dengan keputusan skor min dan interperasinya.

Jadual 2: Tahap pengetahuan akidah pelajar

Konstruk	Min	SP	Interpretasi
Pengetahuan akidah	4.84	.18	Tinggi

Keputusan analisis statistik tahap pengetahuan akidah pelajar adalah tinggi. Ini kerana apabila analisis terhadap semua item dalam bahagian ini dilakukan, hasil yang diperolehi menunjukkan interpretasi skor min pada tahap tinggi. Ini bermakna secara keseluruhannya, tahap pengetahuan akidah pelajar adalah tinggi.

Tahap Amalan Solat Fardu Pelajar

Jadual 3 menunjukkan tahap amalan solat fardu pelajar berada pada tahap tinggi dengan nilai skor min 3.74 seperti jadual berikut:

Jadual 3: Tahap amalan solat fardu pelajar

Konstruk	Min	SP	Interpretasi
Amalan solat fardu	3.74	.60	Tinggi

Hubungan Pengetahuan Akidah Dengan Amalan Solat Fardu Pelajar

Penggunaan ujian korelasi Pearson dalam kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti hubungan antara tahap pengetahuan akidah pelajar terhadap amalan solat fardu pelajar. Kekuatan hubungan antara dua pemboleh ubah ditentukan dengan

menggunakan Skala Rowntree (1981) seperti interpretasi yang dipamerkan dalam jadual 4 seperti berikut:

Jadual 4: Kekuatan hubungan antara dua pemboleh ubah

Nilai pekali	Tafsiran
0.00 – 0.19	Sangat lemah
0.20 – 0.39	Lemah, Rendah
0.40 – 0.69	Sederhana
0.70 – 0.89	Tinggi, Kuat
0.90 – 1.00	Sangat tinggi, Sangat Kuat

Sumber: Rowntree (1981) Untuk Tafsiran Nilai Pekali Korelasi 'r'

Jadual 5 di bawah adalah paparan analisis inferensi melalui ujian korelasi Pearson untuk menentukan hubungan antara pengetahuan akidah dengan terhadap amalan solat fardu pelajar.

Jadual 5: Hubungan pengetahuan akidah pelajar dengan amalan solat fardu pelajar

Pemboleh ubah		Nilai Pekali Korelasi 'r'	Interpretasi
Pengetahuan akidah	Amalan solat fardu	.139*	Sangat lemah

Nota: ** signifikan pada aras keyakinan $p < 0.01$

Jadual 5 menunjukkan dapatan nilai $r = .139$ setelah analisis korelasi dijalankan. Ini menunjukkan korelasi positif yang sangat rendah antara pengetahuan akidah dengan amalan solat fardu pelajar. Ujian korelasi ini menunjukkan signifikan pada ($p < 0.01$). Ini bermaksud, hipotesis null iaitu tidak terdapat hubungan antara tahap pengetahuan akidah pelajar dengan amalan solat fardu pelajar berjaya ditolak. Dapatan kajian ini menjelaskan bahawa pelajar yang mempunyai pengetahuan akidah yang tinggi berpotensi untuk meningkatkan amalan solat fardu pelajar. Oleh itu, tahap amalan solat fardu pelajar dapat dijangkakan berdasarkan tahap pengetahuan akidahnya. Dapatan ini memberi maksud bahawa terdapat perkaitan di antara pengetahuan akidah pelajar dengan amalan solat fardu pelajar.

Sumbangan Pengetahuan Akidah Terhadap Amalan Solat Fardu Pelajar

Penggunaan ujian regresi linear digunakan dalam kajian ini bertujuan untuk mengenalpasti sumbangan tahap pengetahuan akidah pelajar terhadap amalan solat fardu pelajar.

Jadual 6 : Sumbangan Pengetahuan Akidah Pelajar Terhadap Amalan Solat Fardu Pelajar

Pembolehubah	B	Std. Error	Beta	t	Sig.
(Constant)	1.562	.833		1.874	.062
Pengetahuan akidah pelajar	.450	.172	.139	2.617	.009

$R^2 = 0.019$; $F(1, 350) = 6.850$, Sig. $F = 0.009$

Jadual 6 menunjukkan pengetahuan akidah pelajar meramal secara signifikan terhadap amalan solat fardhu pelajar, $R^2 = 0.019$, $F(1, 350) = 6.850$, $p < 0.05$. Peramal ini menyumbang sebanyak 1.9% varians terhadap amalan solat fardhu pelajar-pelajar sekolah menengah di daerah Seremban, Negeri Sembilan. Analisis lanjut mendapati pengetahuan akidah pelajar, $Beta = 0.139$, $t(350) = 2.617$, $p < 0.01$ mempengaruhi secara signifikan terhadap amalan solat fardhu pelajar-pelajar sekolah menengah di daerah Seremban, Negeri Sembilan. Ini bermaksud, hipotesis null iaitu tidak terdapat sumbangan tahap pengetahuan akidah pelajar terhadap amalan solat fardhu pelajar berjaya ditolak.

PERBINCANGAN

Tahap Pengetahuan Akidah Pelajar

Dapatan kajian menunjukkan tahap pengetahuan akidah pelajar-pelajar sekolah menengah di daerah Seremban, Negeri Sembilan adalah pada tahap tinggi dengan skor min 4.84. Ini menunjukkan matlamat pembelajaran akidah untuk menyediakan pelajar yang bebar-benar memahami serta mempraktikkan asas akidah dalam kehidupan seharian bersesuaian dengan kehendak Islam telah tercapai.

Dapatan kajian ini selaras dengan saranan Imam al-Ghazali (2022), yang menekankan konsep ilmu berkaitan sumber kecerdasan akal yang dikurniakan Allah SWT kepada manusia. Walaupun dapatan kajian ini adalah tidak selari dengan dapatan kajian Ahmad Ruhaidy (2003), Khairul Hamimah (2006) dan Yuseri (2004) yang menunjukkan tahap pengetahuan akidah pelajar pada tahap sederhana, namun dapatan kajian ini selari dengan kajian Nor Hayati et al. (2018) yang mendapati tahap pengetahuan akidah pelajar Semester Satu di Politeknik Banting Selangor adalah pada tahap yang tinggi. Dapatan kajian ini disokong oleh kajian Muhammad Faliq (2018) juga turut mendapati tahap pengetahuan akidah pelajar-pelajar SMKA di Perak pada tahap tinggi.

Disamping itu, pengetahuan akidah mampu menanamkan rasa kebertuhanan (*God-consciousness*) dalam diri remaja (Khairul Hamimah et al., 2015) serta mampu membina daya tahan dalaman sebagai faktor pelindung remaja daripada terjebak dengan gejala tidak sihat seperti mencuri, sumbang mahram, penagihan dadah dan sebagainya. Perkara ini disahkan melalui kajian Rosni et al. (2020).

Tahap Amalan Solat Fardu Pelajar

Dapatan kajian memperlihatkan amalan solat fardhu pelajar pada tahap tinggi dengan skor min 3.74. Dapatan kajian ini amat mengujakan kerana berdasarkan tempoh masa satu dekad ini memperlihatkan trend amalan solat fardhu pelajar adalah sebaliknya

iaitu masih pada tahap sederhana seperti hasil dapatan kajian Dearana (2010), Hasna (2016), Masjuki (2017), Mohamad Kamal dan Hafizhah (2021), Mohd Khusyairie, Mohd Muhiden dan Affendi (2019), Norhayati (2017), Norzira (2019), Nur Faridah (2016), Shukri et al. (2014), Sharifah Nur (2012) dan Tuan Mohd Aiman (2020).

Dapatan kajian ini amat memberangsangkan dan selari dengan dapatan kajian Seri Kartini dan Fariza (2013) yang menunjukkan hampir 94% peserta kajian menunaikan ibadah solat, walaupun wujud perbezaan usia responden dan faktor lokasi Politeknik Ungku Omar yang bersebelahan dengan masjid yang aktif menganjurkan program-program keagamaan. Sementara itu, faktor Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Fasa 3.0 sedang berkuat kuasa di seluruh negara semasa kajian ini dijalankan telah memberi impak positif kepada amalan solat fardu pelajar. Ini demikian kerana amalan solat fardu lebih diamalkan dalam situasi yang mencabar seperti pandemik COVID-19 yang sedang melanda umat manusia di seluruh dunia seperti dapatan kajian Amir, Ermin dan Mirjakhon (2020).

Ibadah solat mempengaruhi tingkah laku remaja. Perkara ini menjadi punca utama keruntuhan akhlak dan sahsiah remaja kini jika ibadah solat diabaikan (Mohd. Jirran, 2015). Malah, jika dilakukan dengan sempurna dan secara konsisten, ibadah solat mampu menjadi elemen pencegahan yang paling berpengaruh untuk menjauhkan remaja daripada tingkah laku delikuen (Fazilah et al., 2011). Pendapat ini disokong oleh Nur Farah Arina dan Mesbahul Hoque (2017) bahawa ibadah solat adalah sebagai solusi terbaik kepada permasalahan sosial remaja hari ini. Kenyataan ini disahkan melalui kajian Mohamad Kamal dan Hafizhah (2021) dan Ruzieha Abd. Halim (2017) yang mendapati penghayatan ibadah solat memberikan kesan dan implikasi yang tinggi terhadap iman dan personaliti pelajar.

Hubungan Antara Pengetahuan Akidah Dengan Amalan Solat Fardu Pelajar

Keputusan ujian korelasi Pearson memperlihatkan terdapat hubungan yang signifikan antara tahap pengetahuan akidah ($r=0.139$ $p<0.01$) dengan amalan solat fardu pelajar. Walaupun korelasi yang ditemui berada pada tahap yang sangat rendah, namun tahap pengetahuan akidah telah terbukti mempunyai hubungan dengan amalan solat fardu pelajar serta memberi gambaran bahawa pengetahuan akidah yang tinggi menggambarkan amalan solat fardu pelajar. Dapatan kajian ini disokong oleh Muhammad Faliq (2018), yang mendapati terdapat hubungan yang signifikan antara pengetahuan akidah dan penghayatan ibadah pelajar.

Dalam konteks kajian ini, istilah iman merujuk kepada pengetahuan akidah manakala istilah amal soleh merujuk kepada amalan solat fardu pelajar. Sehubungan itu, dapatan kajian ini juga turut membenarkan kalam Allah SWT yang menggandingkan perkataan iman dan amal soleh sebanyak 64 kali di dalam al-Quran (Lafzi, 2021; Muhammad Fuad, 1981). Ini menunjukkan konsep keimanan dan amal soleh tidak dapat dipisahkan dalam kehidupan manusia kerana dalam al-Quran apabila menggunakan perkataan iman selalu disertai dengan perbuatan. Oleh itu, jika seseorang individu beramal tanpa keimanan yang sah maka pelakunya tidak akan mendapat apa-apa ganjaran daripada Allah SWT, walaupun amalannya baik. Walau

bagaimanapun, sekiranya amalan tersebut adalah kecil tetapi disertai dengan keimanan yang sah, maka ganjaran pahala akan dikurniakan kepada pelakunya (Dindin et al., 2007)

Secara keseluruhannya kajian ini menepati teori kesepaduan ilmu yang diilhamkan oleh Imam al-Ghazali (2022) bahawa ilmu yang diperolehi seharusnya dibaluti dengan amal soleh kerana gandingan antara ilmu dan amal yang bersepadu akan menjamin kehidupan yang sejahtera serta mampu mendekatkan diri kepada Allah SWT. Yusuf al-Qaradawi (2001) juga mengesahkan bahawa hubungan antara akidah dan syariah boleh diterjemahkan kepada perbuatan menyembah Allah, kerana amalan solat fardu pelajar adalah manifestasi akidah dan syariah.

Sumbangan Pengetahuan Akidah Terhadap Amalan Solat Fardu Pelajar

Analisis regresi linear digunakan untuk mengenal pasti pengaruh pengetahuan akidah terhadap amalan solat fardu pelajar sekolah menengah di Seremban, Negeri Sembilan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa pengetahuan akidah pelajar menyumbang dengan nilai sumbangan sebanyak 1.9% terhadap amalan solat fardu pelajar. Secara tidak langsung ia menunjukkan tahap pengetahuan akidah pelajar dapat memberikan kesedaran kepada diri pelajar dan seterusnya menyumbang terhadap amalan solat fardu mereka. Pengetahuan akidah haruslah diterapkan dan disematkan dalam diri para pelajar sejak mereka kecil lagi supaya kesedaran yang datang itu adalah tulus dari hati mereka tanpa paksaan. Hal ini adalah kerana tanpa kesedaran dari hati sendiri, pelajar tidak akan dapat menunaikan tuntutan yang diwajibkan sebagai seorang individu yang beragama Islam.

Akidah mencerminkan dalaman seseorang dan bertindak sebagai asas kepada syariat Islam (Al-Khin & Misto, t.th.). Amalan solat fardu pelajar adalah sebahagian daripada refleksi syariah Islam. Kenyataan ini disokong oleh Ahmad Munawar dan Kamarul Azmi (2016) yang mendapati pengetahuan akidah adalah teras utama untuk melaksanakan amal soleh. Amal soleh dalam konteks kajian ini merujuk kepada amalan solat fardu. Kenyataan ini disokong oleh Noraziah dan Mohd Nizam (2016) mendapati pengetahuan akidah yang mantap sebagai pendorong kepada pelaksanaan amalan solat fardu pelajar yang tertib.

Secara tidak langsung, dapatan kajian ini mengukuhkan teori ilmu dan amal yang diilhamkan oleh Imam al-Ghazali yang menitikberatkan ilmu pengetahuan bagi melahirkan sesuatu amalan. Selain itu, dapatan kajian ini membuktikan kebenaran firman Allah SWT melalui gandingan perkataan iman dan amal soleh dengan taburan sebanyak 64 tempat di dalam al-Quran. Ternyata amal soleh yang dirujuk sebagai amalan solat fardu dalam kajian ini umpama buah-buahan yang ranum hasil daripada pohon akidah yang mantap.

Implikasi Kajian

Fokus utama kajian ini ialah aspek akidah dan amalan solat fardu pelajar sahaja. Berdasarkan dapatan kajian, pengkaji mengutarakan cadangan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) supaya membuat penambahbaikan terhadap Kurikulum

Standard Sekolah Menengah (KSSM) khususnya mata pelajaran Pendidikan Islam yang berkaitan akidah dan ibadah. Selain itu, para guru Pendidikan Islam perlu memaksimumkan penggunaan aplikasi teknologi terkini supaya proses pengajaran dan pemudahcaraan (PdPc) pendidikan akidah dan ibadah lebih terkesan kepada pelajar. Pendekatan ini akan mudah diserap oleh remaja hari ini kerana mereka merupakan generasi Z yang lahir pada 1998 hingga 2009 (Tapscott, 2009) yang mesra dengan media sosial.

Guru-guru Pendidikan Islam perlu mempelbagaikan aktiviti-aktiviti sokongan akademik bagi meningkatkan kefahaman dan pelaksanaan amalan solat fardu dalam kalangan pelajar khususnya bagi melahirkan pelajar yang mendirikan solat secara sukarela tanpa perlu disuruh melakukannya. Para ibu bapa dan institusi-institusi bukan kerajaan perlu memperkasakan lagi kerjasama pintar sedia ada untuk merangka program yang bersesuaian untuk meningkatkan pengetahuan akidah dan pengamalan solat fardu remaja.

KESIMPULAN

Sebagai kesimpulan, pengetahuan akidah dan amalan solat fardu para pelajar sekolah menengah di Seremban, Negeri Sembilan adalah tinggi. Kajian ini juga menunjukkan tahap pengetahuan akidah mempunyai hubungan yang signifikan dengan amalan solat fardu pelajar serta mempengaruhi amalan solat fardu pelajar. Kajian ini diharapkan memberi input berguna kepada institusi berkaitan dalam agenda meningkatkan pengetahuan akidah dan amalan solat fardu pelajar yang masih di alam persekolahan. Usaha ini perlu dilaksanakan secara berterusan sebagai agenda menyelamatkan remaja daripada terlibat dengan masalah delikueni.

RUJUKAN

- Ahmad Munawar Ismail & Kamarul Azmi Jasmi. (2016). *Akidah dan akhlak dalam pendidikan Islam*. Skudai Johor: Penerbit UTM Press.
- Ahmad Ruhaidy Mohd Ramli. (2003). *Pemahaman Tentang Hari Kiamat Di Kalangan Remaja Di Sekolah Menengah Teknik Kangar, Perlis*. Tesis Sarjana, Universiti Malaya.
- Al-Attas, Syed Muhammad Naquib. (1980). *The concept of education in Islam: A framework for an Islamic philosophy of education*. Kuala Lumpur. Muslim Youth Management of Islam (ABIM).
- Al-Banna, Hassan. (1949). *Majmu'at al-rasail*. Kaherah: Dar al-Syihab.
- Al-Ghazali, Abu Hamid Muhammad bin Muhammad. (2022). *Mizan al-'amal*. Jeddah: Dar al-Minhaj.
- Al-Khin, Mustafa Said & Misto, Muhyiddin Dib. (t.th.). *Al-'aqidah al-islamiyyah: arkanuha, haqiqatuha, mufsidatuha*. Damsyik: Dar al-Kalim al-Tayyib.
- Al-Qaradawi, Yusuf. (2001). *Al-'Ibadah fi al-Islam*. Beirut: Muassasah al-Risalah.

- Amaludin Ab Rahman. (2005). Keperluan Perlaksanaan Kaunseling Islam Dalam Menangani Masalah Sosial Di Kalangan Remaja: Satu Kajian Di Pusat Pemulihan Akhlak di Malaysia. Tesis PhD, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Amran Kasimin. (1993). Ketiadaan Didikan Agama Punca Utama Kejahatan. Dlm. *Masalah sosial dan hubungannya dengan didikan agama*. Kuala Lumpur: Dinie Publishers.
- Asmawati Suhid & Fathiyah Mohd Fakhruddin. (2012). Gagasan pemikiran falsafah dalam pendidikan Islam: hala tuju dan cabaran. *Journal of Islamic and Arabic Education* 4 (2): 57-70.
- Azizah binti Mahadi. (2012). Faktor Pendorong Amalan Seks Bebas Dalam Kalangan Remaja Muslim Di Pusat Bimbingan Remaja Puteri Raudhatus Sakinah Sungai Buloh Selangor. Tesis Sarjana, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Bahagian Risikan, Operasi & Rekod (D4), Jabatan Siasatan Jenayah, Polis Diraja Malaysia, Bukit Aman, Kuala Lumpur. (2021). Penglibatan dan tangkapan juvana dalam jenayah indeks tahun 2020 – Mei 2021.
- Dearana Morshidi. (2010). Hubungan Ibadah Solat Fardu Dan Penghayatan Akhlak Pelajar: Kajian Di Bahagian Miri, Sarawak. Tesis Sarjana, Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Dindin Moh Saepudin, M. Solahudin, Izzah Faizah & Siti Rusydati Khairani. (2007). Iman dan amal saleh dalam al-quran (Studi Kajian Semantik). *Al-Bayan: Jurnal Studi Ilmu al- Qur'an dan Tafsir* 2(1):10–20.
- Duric, A., Sinanovic, E., & Turdiev, M. (2020). Muslim Students and COVID-19-19-19: Understanding the Needs of Muslim Students within Higher Education.
- Fazilah Idris, Nur Riza Mohd Suradi, Siti Syaznira Muhamad, Khairul Anwar Mastor, Hasnan Kasan & Khalim Zainal. (2011). Influence of ritual behavior on religious delinquent behavior among youth: a path analysis approach. *Procedia-Social and Behavioral Sciences* 59 (2012): 51-60.
- Ghazali Darusalam, & Sufean Hussin. (2016). *Metodologi Penyelidikan Dalam Pendidikan: Amalan dan Analisis Kajian (Kedua)*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Hasna Bidin. (2016). Pelaksanaan Solat Dalam Kalangan Pelajar Muslim Di Kolej Komuniti Negeri Johor. Tesis Sarjana, Universiti Teknologi Malaysia.
- Hasyim @ Fauzi Mat Rani. (2002). Perlakuan Rogol Dan Zina Dari Segi Sosiologi Dan Psikologi: Bagaimana Islam Menanganinya: Satu Kajian Di Penjara Kajang. Tesis Sarjana, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Khairul Hamimah Mohammad Jodi, Syaidatun Nazirah Abu Zahrin, Hadenan Towpek & Nurul Husna Mansor. (2015). Program koreksi berasaskan islam melalui program halaqah sebagai medium dakwah kepada banduan di penjara kajang. *Al-Hikmah* 7(2): 3-22.

- Khairul Hamimah Mohammad Jodi. (2006). *Masalah akhlak dan hubungannya dengan akidah di kalangan pelajar Institut Teknologi Tun Abdul Razak (ITTAR) cawangan Kuala Lumpur*. Diss. Jabatan Akidah dan Pemikiran Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya.
- Khalim Zainal, Aminudin Basir @ Ahmad & Akila Mamat. (2010). Pembentukan tingkah laku remaja menurut barat dan Islam. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari* 3: 19–32.
- Lafzi Pencarian Lafaz Quran. (2021). <http://lafzi.apps.cs.ipb.ac.id/>.
- Makmur, Harun. (2015). Pendidikan Sebagai Warisan Islam: Kajian dalam Perspektif Sejarah. *Prosiding Seminar Internasional Fakultas Ilmu Tarbiyah dan Keguruan IAIN Sulthan Thaha Saifuddin Jambi*.
- Masjuki Misbah. (2017). Hubungan Tahap Pelaksanaan Solat Fardu Dan Kecerdasan Emosi Dalam Kalangan Pelajar Di Daerah Johor Bahru. Tesis PhD, Universiti Teknologi Malaysia.
- Mohamad Kamal Sulaiman dan Hafizhah Zulkifli. (2021). Implikasi solat terhadap akhlak dalam kalangan murid sekolah rendah. *Journal of Quran Sunnah Education & Special Needs* 5 (1): 1-13.
- Mohamad Zaid Mohd Hussain, Muhammad Talhah Ajmain@Jima'ain, Ahmad Ezzuddin Mohamad dan Muhammad Fazril Amin Muhammad Fa'aizal. (2019). Karakteristik Belia Islam Menuju Revolusi Industri 4.0. *Proceedings of The Sixth International Social Sciences Postgraduates Conference (6 Th Ispc 2019)*.
- Mohd Khusyairie Marzuki, Mohd Muhiden Abdul Rahman & Affendi Ismail. (2018). Sikap pelajar terhadap pengamalan solat fardu dan kesannya kepada pembentukan sahsiah: kajian di uitm kelantan kampus kota bharu. *Jurnal al-Basirah* 8 (2): 11-22.
- Mohd. Jirran Mohd Jeperi. (2015). Pemahaman dan Amalan Ibadah Solat Fardhu Serta Hubungannya Dengan Akhlak Pelajar Sekolah Menengah di Daerah Kuala Terengganu. *Kertas Projek Sarjana Pendidikan*, Universiti Utara Malaysia.
- Muhammad Faliq Abd Rahman. (2018). Kefahaman Elemen-elemen Akidah Dalam Bacaan Asas Solat dan Sumbangannya Terhadap Penghayatan Akhlak Penuntut-penuntut SMKA di Perak. Tesis Sarjana Usuluddin, UKM.
- Muhammad Fuad Abdul Baqi. (1981). *Al-mu'jam al-mufahras li alfaz al-Quran*. Dar al-Fikr.
- Nor Hayati Fatmi Talib, Adibah Hasanah Abd Halim & Bani Hidayat Mohd Shafie. (2018). Tahap pengetahuan pendidikan Islam dan penghayatan akhlak pelajar semester 1, satu kajian di politeknik banting selangor. *Journal of Quran Sunnah Education & Special Needs*. Vol. 2 (2).
- Noraziah Ahmad Nadzim & Mohd Nizam Sahad. (2016). Pendidikan akidah terhadap anak-anak: Cabaran ibubapa dalam perkembangan sains dan teknologi masa

- kini. Dlm: Seminar Islam dan Sains Peringkat Kebangsaan 2016, 22-23 Mei 2016, Dewan Seminar Kompleks Pusat Islam, Universiti Utara Malaysia.
- Norhayati binti Ab. Ghani @ Rani. (2017). Pengetahuan Tentang Solat, Amalan Solat Fardu dan Penghayatan Akhlak Dalam Kalangan Murid Tingkatan Empat Di Daerah Batang Padang, Perak. Tesis Sarjana, UKM.
- Norzira Binti Ahmad. (2019). Pengamalan Solat Fardu Dalam Kalangan Pelajar Pengurusan Dalam Islam Jabatan Perdagangan Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin, Perlis (PTSS). *E-Proceeding LEC 2019 Full Paper*. hlm 83-93
- Nur Farah Arina binti Jusoh dan Mesbahul Hoque Chowdhur. (2017). Congregational Prayer as A Solution of Immoral Issues Among Muslim Teenagers in Malaysia: A Study from Sunnah Perspective." *2ND INHAD International Muzakarah & Mu'tamar on Hadith*: 1-10.
- Nur Faridah Abdullah @ Zakaria. (2016). Amalan solat fardu murid tahun tiga di sekolah rendah. Latihan Ilmiah Sarjana Muda Pendidikan. Fakulti Pengajian Bahasa Utama, Universiti Sains Islam Malaysia.
- Raja Noraina Raja Rahim. (2019, 18 Februari). 10,154 kes disiplin babit pelajar tahun lalu. *Berita Harian Online*. <https://www.bharian.com.my/berita/wilayah/2019/02/532222/10154-kes-disiplin-babit-pelajar-tahun-lalu>.
- Rowntree, D. (1981). *Statistics without tears: a primer for non-mathematicians*. London: Penguin.
- Ruzieha Abd. Halim. (2017). Penghayatan Agama Islam Sebagai Mediator dalam Hubungan Antara Persekitaran Sosial dengan Salah Laku Seksual Pelajar Islam. Tesis Kedoktoran, Universiti Teknologi Malaysia.
- Seri Kartini Jurami dan Fariza Md Sham. (2013). Pengamalan ajaran Islam dalam kalangan pelajar politeknik ungu omar, ipoh. *Islamiyyat* 35(1):29-38.
- Shamsiah Banu Hanefar, Saedah Siraj dan Che Zarrina Sa'ari. (2015). The application of content analysis toward the development of spiritual intelligence model for human excellence (SIMHE). *Procedia-Social and Behavioral Sciences* 17: 604.
- Sharifah Nur Abu. (2012). Pengamalan Solat fardu dalam Kalangan Pelajar Politeknik Kuching Sarawak. International Seminar on Research in Islamic Studies II (ISRIS II), 5-6 Februari, Kuala Lumpur.
- Shukri Ahmad, Yahya Don, Wan Abdul Rahman Khudri Wan Abdullah, Madiha Mohammed Ibrahim & Shahril Fazli Mat Hussain. (2014). Penghayatan Solat Dan Pengimarahannya Masjid: Kajian Dalam Kalangan Pelajar. *Proceeding of the Social Sciences Research ICSSR Jun*, Kota Kinabalu, Sabah.
- Syamila Syamim Mohamad Yatim & Che Zarrina Sa'ari. (2020). Kaedah penyelesaian masalah kerohanian dalam pendidikan anak menurut abduallah nasih ulwan. *BITARA Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 3(1):130-144.

- Tapscott, D. (2008). *Grown up digital: how the net generation is changing your world*. London: The McGraw-Hill.
- Tuan Mohd Aiman Tuan Jaffar. (2020). Pengaruh Persepsi Pengetahuan, Faktor Pendorong Dan Faktor Pengabaian Solat Terhadap Amalan Solat Pelajar Sekolah Menengah Daerah Kinta Utara, Perak. Tesis Sarjana Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Yuseri Ahmad. (2004). Peranan Pendidikan Islam Dalam Penguatan Akidah Di Kalangan Pelajar: Kajian Kes Di Sekolah-Sekolah Menengah Daerah Temerloh dan Kuantan. Tesis Master, Fakulti Pengajian Islam, UKM